1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	3472/1
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	80 Markah
Masa	:	2 Jam

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 1 mengandungi 2 bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A **:** Mengandungi **12** soalan. Semua soalan wajib dijawab. Jumlah markah yang diperuntukkan ialah **64 markah**.

Bahagian B **:** Mengandungi **3** soalan. Calon perlu menjawab **2** soalan. Jumlah markah yang diperuntukkan ialah **16 markah**.

2.0 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1 PRESTASI CALON

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Prestasi keseluruhan calon adalah sederhana. Calon menghadapi kesulitan dalam menjawab soalan bukan rutin dan soalan berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seperti soalan Pilih Atur dan Gabungan.

2.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan

Kumpulan Prestasi Tinggi

Secara keseluruhannya, calon mempunyai pemahaman yang baik terhadap konsep matematik yang diuji. Calon mampu mentafsir maklumat serta menggunakan data daripada jadual, graf dan rajah dengan betul. Di samping itu, mereka mampu mengenal pasti kaedah penyelesaian masalah dan menggunakan rumus yang betul untuk mendapatkan jawapan yang lengkap, tepat dan jitu. Langkah kerja calon adalah teratur dan sistematik.

Kumpulan Prestasi Sederhana


Calon menguasai konsep matematik dengan baik apabila menjawab soalan rutin. Walau bagaimanapun, majoriti calon menghadapi kesulitan dalam menjawab soalan bukan rutin dan soalan KBAT. Calon membuat kesilapan semasa melakukan operasi aritmetik atau penggantian. Majoriti calon tidak menjawab Soalan 4, 7(c), 9(b), 10(b), 11(a), 11(b)(ii) dan 12(b) dengan lengkap dan tepat.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Soalan 1

1 Rajah 1 menunjukkan graf garis lurus yang diperoleh apabila $y = 4x^2 - 5$ ditukarkan dalam bentuk linear.

Diagram 1 shows the straight line graph obtained when $y = 4x^2 - 5$ *is reduced to linear form.*




Rajah 1
Diagram 1

Ungkapkan X dan Y dalam sebutan x dan / atau y.

Express X and Y in terms of x and / or y.


Calon dikehendaki menukar persamaan tak linear kepada bentuk linear dan mengungkap X dan Y dalam sebutan x dan/atau y.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi



Calon dapat menukarkan persamaan tak linear kepada bentuk linear $Y = mX + c$ dengan keadaan pintasan-*Y* adalah 4. Seterusnya, calon dapat mengungkap X dan Y dalam sebutan x dan/atau y dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana



Calon dapat menukarkan persamaan tak linear kepada bentuk linear $Y = -5X + 4$ dengan tepat tetapi tidak mengungkap X dan Y dalam sebutan x dan/atau y.

Soalan 2(b)

(*b*) Fungsi $g(x) = 3 - x$ diungkapkan dalam bentuk pasangan tertib seperti di bawah:
Function $g(x) = 3 - x$ *is expressed in the form of ordered pairs as below*:

$$\{(-2, 5), (4, p - 10), (p, -6)\}$$

Cari nilai p.
Find the value of p.

Calon dikehendaki mencari nilai *p* dengan mengenal pasti objek dan imej daripada pasangan bertertib.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Contoh 1:

$g(x) = 3 - x$
$p - 10 = 3 - 4$
$p - 10 = -1$
$p = 9$

Contoh 2:

$g(x) = 3 - x$
$-6 = 3 - p$
$-9 = -p$
$p = 9$


Calon dapat menentukan nilai p dengan menggantikan pasangan objek dan imej yang betul ke dalam fungsi $g(x)$.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$g(x) = 3 - x$
$p - 10 = 3 - 4$
$p - 10 = -1$
$p = 10 - 1$
$= 11$


Calon dapat menggantikan pasangan objek dan imej yang betul tetapi melakukan kesilapan pengiraan ketika mencari nilai p.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi




Calon dapat mengenal pasti bahawa $\overrightarrow{CD} = k\underline{a}$, dengan k ialah pemalar dan memberi jawapan yang betul.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana



Calon dapat mengenal pasti bahawa $\overrightarrow{CD} = k\underline{a}$, dengan k ialah pemalar tetapi tidak menulis jawapan akhir.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi



Calon dapat menggantikan koordinat bagi titik A dan titik B mengikut nisbah yang diberi ke dalam rumus pembahagi tembereng garis dan mencari koordinat C dengan betul.

Suka sampel ini?

Kertas Sebenar SPM 2025

8 subjek + kupasan mutu jawapan

- BM Kertas 1 & 2, BI Kertas 2 + Speaking, Sejarah Kertas 2 + SPMU
- Matematik, Matematik Tambahan, Fizik Kertas 1 & 2, Kimia Kertas 2, Bahasa Cina Kertas 1 & 2

RM34.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-sebenar-spm · FPX online banking · download serta-merta